

24 FEB 2003

NAM-Siti Hasmah (Pernyataan)/I

WANITA PERTAMA NAM KATAKAN "TIDAK KEPADA PEPERANGAN"

Oleh: Harlina Samson

PUTRAJAYA, 24 Feb (Bernama) -- Pada masa peperangan semakin membimbangkan Iraq, Dialog Wanita Pertama Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) hari ini menerima pakai satu pernyataan yang antara lain menyeru kepada keamanan dan mengatakan "Tidak Kepada Peperangan."

Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, isteri Perdana Menteri berkata pernyataan daripada Wanita Pertama dan pasangan pengiring akan dikemukakan kepada Pengerusi NAM Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang akan berucap pada akhir Sidang Kemuncak Kuala Lumpur esok.

Beliau berkata pernyataan akhir dialog berkenaan kebanyakannya berkaitan kebimbangan wanita itu terhadap keamanan dan mengatakan "TIDAK KEPADA PEPERANGAN", serta rayuan mereka kepada kerajaan supaya mengelakkan konflik bersenjata selain memperuntukkan lebih banyak sumber bagi membina bangunan dan mempertahankan keamanan.

"Tujuan kami ialah untuk menyuarakan kebimbangan kami terhadap peperangan dan dengan mengemukakan rumusan yang telah diterima pakai sebagai pernyataan akhir dialog itu, kami harap dapat menyerahkannya kepada Pengerusi NAM agar beliau boleh memasukkannya ke dalam ucapan penggulangannya semasa menutup sidang kemuncak itu.

"Kami juga berharap beliau akan turut memasukkan kebimbangan Wanita Pertama (dan pasangan pengiring) mengenai peperangan dan menyokong keamanan. Harap-harap, beliau akan memasukkan satu atau dua perenggan mengenai kebimbangan kami," katanya kepada persidangan media selepas Dialog Wanita Pertama itu yang diadakan buat pertama kali sempena Sidang Kemuncak NAM, bertemakan "Melabur Dalam Keamanan."

Pernyataan 10 perkara itu menyenaraikan kebimbangan 38 pasangan ketua-ketua negara dan kerajaan, termasuk mereka yang mengiringi menteri-menteri dan para peserta ke sidang kemuncak berkenaan.

Antara lain, mereka mahu kerajaan mengambil langkah bagi mengatasi ancaman yang pasti akan berlaku terhadap keamanan global, umpamanya ketidaksamaan sosial dan ekonomi yang akan meningkatkan kadar kemiskinan, kekurangan penjagaan kesihatan dan pendidikan, kebuluran serta pengangguran.

Wanita, kata mereka, akan berusaha memberikan sumbangan ke arah membawa kepada pembangunan sosio ekonomi dan mendidik anak-anak mereka untuk membina kepercayaan, kesefahaman serta menghormati maruah dan hak asasi manusia.

Mereka menggesa media massa, sekolah dan institusi pengajian tinggi serta badan-badan agama untuk menggalakkan pendidikan formal dan tidak formal bagi memelihara keamanan, toleransi, kewujudan bersama dan persamaan jantina.

Sambil menyatakan bahawa semua konflik perlu diselesaikan menerusi resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan Piagamnya, mereka berkata Majlis Keselamatan PBB sepatutnya tidak membenarkan sebarang serangan terlebih dahulu.

Wanita Pertama itu juga menggesa PBB supaya menjadi peneraju dalam peperangan global menentang keganasan dengan menyelesaikan punca utama pertikaian yang meningkatkan keganasan.

Mereka juga menyeru kerajaan-kerajaan supaya memenuhi tanggungjawab mereka bersesuaian dengan konvensyen dan perjanjian antarabangsa berkaitan senjata nuklear serta senjata pemusnah besar-besaran.

Dr Siti Hasmah berkata perbincangan pada dialog 90 minit itu amat

berjaya dan maklumat balas yang diterima pula begitu menggalakkan.

"Salah seorang daripada pasangan yang hadir itu malah mencadangkan agar kumpulan Wanita Pertama berusaha untuk pergi ke Amerika Syarikat dan memaklumkan kepada Presiden George W. Bush mengenai kebimbangan mereka tentang peperangan terhadap Iraq. Ia merupakan satu langkah yang baik dan mereka sedar bahawa sesuatu perlu dilakukan (untuk memujuk Amerika Syarikat agar tidak menyerang Iraq)," kata beliau.

Ditanya sama ada tindakan sedemikian akan membantu menghindarkan peperangan, beliau yakin ianya boleh tetapi tidak pasti sama ada kunjungan seperti itu boleh menjadi kenyataan.

Beliau berkata rangkaian di kalangan wanita amat penting memandangkan ia memberikan mereka peluang untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam menghadapi konflik.

-- BERNAMA

HS MFJ YBY ROS